


**PROSEDUR PELAPORAN KES POSITIF DAN KONTAK RAPAT COVID-19 BAGI STAF/
KONTRAKTOR/ PELAWAT UNIVERSITI MALAYA**



(1) Staf/ Pelawat/ Kontraktor Disahkan Positif COVID-19 Atau Menjadi Kontak Rapat Kepada Kes Positif COVID-19

- (a) Staf hendaklah mengemaskini status positif COVID-19 atau kontak rapat di MySejahtera. **Rujuk Lampiran 1: Kemaskini Status Positif COVID-19 / Kontak Rapat Di MySejahtera.**
- (b) Staf hendaklah dengan segera memaklumkan kepada Penyelia/Ketua Jabatan/Ketua PTj setelah disahkan positif COVID-19 atau menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID-19.
- (c) Bagi pelawat/ kontraktor, pemakluman hanya perlu dibuat kepada wakil PTj yang berkaitan sekiranya ada menjalankan urusan/kerja di dalam Universiti dalam tempoh 10 hari sebelum disahkan positif.
- (d) Pemakluman hendaklah disertakan bukti atau dokumen sokongan telah disahkan positif COVID-19 atau menjadi kontak rapat.
- (e) Staf yang disahkan positif COVID-19 perlu menjalani kuarantin selama 10 hari atau seperti yang diarahkan pihak KKM.
- (f) Staf yang menjadi kontak rapat kepada kes positif hendaklah kuarantin selama 7 hari untuk yang telah lengkap vaksin dan ulangi ujian RT-PCR/RTK-Antigen pada hari kelima. Sekiranya belum lengkap/tiada vaksinasi, kuarantin 10 hari dan ulangi ujian RT-PCR/RTK-Antigen pada hari kelapan. **Rujuk Lampiran 2: Tempoh Kuarantin.**
- (g) Staf yang menjadi kontak kepada kontak rapat (Gen 2) dibenarkan WFH sehingga Gen 1 (kontak rapat kes positif) disahkan negatif COVID-19.

(2) PTj Menerima Notifikasi Daripada Staf/ Pelawat/ Kontraktor Terlibat

- (a) Jawatankuasa COVID-19 PTj hendaklah mengkoordinasi dan menyelaraskan pengumpulan maklumat dan tindakan pelaporan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Penyelaras, Penyelia dan ERT. Sila rujuk SOP Langkah Kawalan dan Pencegahan Penularan COVID-19 UM untuk penerangan lanjut.
- (b) Mengenalpasti kontak rapat di dalam Universiti berdasarkan penilaian berikut:
 - a. Bersemuka selama lebih daripada 15 minit dalam jarak kurang 1 meter di dalam kawasan yang tertutup dengan kes positif.
 - b. Tidak bersemuka tetapi berada di dalam bilik berhawa dingin yang sama selama lebih dari 2 jam dengan kes positif dan tidak memakai pelitup muka sepanjang masa.
 - c. Ahi keluarga/rakan yang tinggal serumah/ sebilik dengan kes COVID-19.
 - d. Berada dalam kenderaan yang sama dengan kes positif.
 - e. Makan bersama kes positif.
- (c) Mengenalpasti lokasi di Universiti yang dikunjungi oleh kes positif/ kontak rapat berdasarkan penilaian berikut untuk disinfeksi:
 - a. Tempoh masa beliau berada di sesuatu tempat.
 - b. Keadaan bilik/ ruang samada sempit, tempat tertutup atau terbuka.
 - c. Sistem ventilasi di lokasi / bilik/ ruang tersebut.

d. Pemakaian PPE oleh beliau ketika berada di ruangan di lokasi / bilik/ ruang tersebut

(d) Pelaporan hendaklah dihantar kepada pihak OSHE dengan menggunakan **Borang Pelaporan Kes Positif/ Kontak Rapat COVID-19 Universiti Malaya. (Lampiran 3)**

(e) Borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada emel **covid19_oshe@um.edu.my** dengan kadar segera selepas Ketua PTj mendapat makluman tersebut.

(3) OSHE Membuat Semakan Laporan dan Melaksanakan Penilaian Risiko

(a) Pihak OSHE akan membuat penilaian terhadap maklumat yang diberikan dan memberikan Surat Pengesahan Kontak Rapat (untuk staf sahaja) bagi tujuan Pelepasan *Home Surveillance* atau saranan *Work From Home* sekiranya staf tidak menerima Home Surveillance Order melalui MySejahtera. **(Rujuk Lampiran 4: Cuti/Pelepasan Berkaitan Individu Dalam Rangkaian COVID-19)**

(b) Pihak OSHE akan mengkoordinasi proses disinfeksi bersama pihak JPPHB mengikut keperluan. Proses disinfeksi di ruang terbuka atau permukaan yang kecil boleh dilaksanakan sendiri oleh pihak PTj berpandukan kepada SOP Kawalan dan Cegah COVID-19 UM dan KKM.

(4) Tindakan oleh PTj


(a) Memastikan staf/ pelawat/ kontraktor yang telah disahkan positif COVID-19 atau kontak rapat kepada kes positif tidak hadir bekerja/ memasuki kampus.

(b) Memaklumkan pihak OSHE keputusan *swab test* yang dijalankan oleh kontak rapat.

(c) Menutup lokasi yang perlu disinfeksi. Menyediakan penyeliaan pengawasan semasa kerja disinfeksi dijalankan dan disarankan menutup ruang yang telah disinfeksi sekurang-kurangnya 24 jam sebelum beroperasi semula.

(d) Membantu staf dalam urusan cuti kuarantin.

PROSEDUR PELAPORAN KES POSITIF DAN KONTAK RAPAT COVID-19 BAGI PELAJAR UNIVERSITI MALAYA



(1) Pelajar disahkan positif COVID-19 atau menjadi kontak rapat kepada kes positif COVID 19

- (a) Pelajar hendaklah segera memaklumkan Felo/Pengetua Kolej Kediaman sekiranya duduk di kolej kediaman atau;
- (b) Memaklumkan pihak fakulti (pensyarah/ staf pentadbiran) sekiranya duduk di luar universiti.
- (c) Pemakluman hendaklah disertakan bukti atau dokumen sokongan telah disahkan positif COVID-19 atau menjadi kontak rapat.
- (d) Staf hendaklah mengemaskini status positif COVID-19 atau kontak rapat di MySejahtera. **Rujuk Lampiran 1: Kemaskini Status Positif COVID-19 / Kontak Rapat Di MySejahtera.**

(2) Kolej Kediaman / Fakulti Menerima Makluman Kes Positif/ Kontak Rapat Pelajar

- (a) Jawatankuasa COVID-19 Kolej/ PTj hendaklah mengkoordinasi dan menyelaraskan pengumpulan maklumat dan tindakan pelaporan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Penyelaras, Penyelia dan ERT. Sila rujuk SOP Langkah Kawalan dan Pencegahan Penularan COVID-19 UM untuk penerangan lanjut.
- (b) Mengasingkan pelajar yang didapati positif/ kontak rapat. Memaklumkan pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Klinik Kesihatan UM (KKUM) dengan segera.
- (c) Pelaporan hendaklah dihantar kepada Klinik Kesihatan UM (KKUM) dengan menggunakan **Borang Pelaporan Kes Positif/ Kontak Rapat COVID-19 Universiti Malaya (Lampiran 3)**.
- (d) Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada emel **drzuraidah@um.edu.my** dan salinan ke **covid19_oshe@um.edu.my**

(3) Klinik Kesihatan UM (KKUM) Membuat Semakan Laporan Dan Melaksanakan Penilaian Risiko.

- (a) Sekiranya pelajar mempunyai gejala (simtomatik), akan menjalani *swab test*, dirujuk ke Jabatan Kecemasan PPUM dan di kuarantin di Kolej Kediaman Ke-10
- (b) Sekiranya pelajar tidak mempunyai gejala (asimtomatik), menjalani *swab test* dan akan dibawa ke tempat kuarantin di Kolej Kediaman Ke-10.